


## ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKASURAT
<b>1</b>	<b><u>MAKLUMAT ORGANISASI</u></b> 1.1 Objektif Bahagian 1.2 Fungsi Bahagian 1.3 Ahli Kumpulan	2 2-3 3
<b>2</b>	<b><u>MAKLUMAT INOVASI</u></b> 2.1 Pengenalan 2.2 Tujuan Projek 2.3 Proses Perlaksanaan	4 4 4-13
<b>3</b>	<b><u>IMPAK INOVASI</u></b> 3.1 Kreativiti 3.2 Keberkesanan 3.3 Signifikan 3.4 Relevan	13 13-14 15 15
<b>4</b>	<b><u>PENGIKTIRAFAN</u></b>	15
<b>5</b>	<b><u>PENUTUP</u></b>	15
<b>6</b>	<b><u>LAMPIRAN</u></b>	



## **1. MAKLUMAT ORGANISASI**

---

### **1.1 OBJEKTIF BAHAGIAN :**

- i) Menambahbaik dan meningkatkan keupayaan tadbir urus perancangan, pelaksanaan dan outcome program-program pembangunan JPS.
- ii) Memantapkan proses kerja melalui program-program kepastian kualiti, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.
- iii) Menginstitusi budaya integriti, kreativiti dan inovasi.

### **1.2 FUNGSI BAHAGIAN :**

#### **Unit Audit Projek**

- Melaksanakan aktiviti pengauditan ke atas prestasi dan impak program-program pembangunan JPS untuk menilai penggunaan sumber secara ekonomi, efisien dan efektif dan penyediaan laporan pengauditan secara bebas dan seimbang untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan atasan.

#### **Unit Audit Nilai**


- Menilai keberkesanan program-program nilai murni dengan menjalankan Sistem Pengurusan Audit Nilai.

#### **Unit Outcome**

- Menyelaras penilaian outcome program pembangunan JPS dan juga melaksanakan penilaian outcome terhadap program-program terpilih atau yang dikenal pasti dengan kerjasama Bahagian dan Negeri dari semasa ke semasa.

#### **UNIT INOVASI**

- Merancang, melaksana dan memantau keseluruhan program pembudayaan inovasi warga JPS melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi JPS Malaysia yang mengandungi inisiatif-inisiatif seperti :
  - Inisiatif no.1 : Pusat Sumber Inovasi
  - Inisiatif no.2 : Penandaarasan
  - Inisiatif no.3 : Sembang-sembang Inovasi
  - Inisiatif no.4 : Pengurusan Idea
  - Inisiatif no.5 : Anjung Kreatif
  - Inisiatif no.6 : Minggu Kreativiti
  - Inisiatif no.7 : Kumpulan Inovatif & Kreatif
  - Inisiatif no.8 : Cabaran Inovasi JPS
- Menyelaras pelaksanaan anugerah Inovasi JPS dan luar jabatan.



### **Unit RKT**

- Menyelaras dan memantau pencapaian Rancangan Kerja Tahunan Jabatan.

### **Unit KPI**

- Menyelaras dan memantau pencapaian KPI Y.B. Menteri/KSU yang berkaitan dengan Jabatan dan KPI Ketua Pengarah JPS.

### **Unit Pematuhan**

- Memantau pengemaskinian Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.
- Menyelaras dan memantau persijilan ISO 9000, ISO 14000 dan OHSAS 18000.

### **1.3 AHLI KUMPULAN INOVASI :**

#### **KETUA KUMPULAN**



**AMIRUDDIN BIN ALALDIN**

#### **AHLI KUMPULAN**



**HANIDA BINTI M.FAKHRUR RAZI**

**HANUM BINTI ABU HASSAN**



#### **ROSILAWATI BINTI MISDI**



**FARRAH SILLA BINTI ISMAIL**




#### **RAFIDAH BINTI HAMZAH**



**NUR SA'IDAH BINTI KAMIS**





## 2. MAKLUMAT INOVASI

### 2.1 PENGENALAN

IdeaSentral merupakan satu kaedah pengurusan idea yang dicetus oleh warga JPS untuk untuk penambahbaikan berterusan perkhidmatan Jabatan. Ia adalah hasil garapan dan sokongan kepada seruan YAB Perdana Menteri untuk membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif dikalangan penjawat awam..."We have to innovate. No nation can be successful unless they are involved in innovative and creative activities". Tidak dinafikan bahawa sebelum inovasi ini diperkenalkan , terdapat pelbagai medium yang memberi peluang kepada warga JPS mengutarakan idea-idea mereka namun dari penyelidikan yang dilakukan didapati kaedah-kaedah terdahulu kurang berkesan di dalam membudayakan warga JPS yang kreatif dan inovatif. Penggerak utama kepada inovasi ini adalah apabila tersiarnya Pekeliling Garispanduan Pembudayaan Inovasi Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU yang antaranya menuntut supaya setiap agensi mewujudkan satu kaedah mantap untuk warganya menyumbang idea-idea berasas. Dan sebagai Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan fungsi Unit Inovasi, maka kami telah terpanggil untuk melakukan perekayaan proses pengurusan idea di JPS.

### 2.2 TUJUAN INOVASI

Objektif kepada penubuhan sistem pengurusan idea ini adalah untuk mewujudkan satu sistem yang lebih teratur bagi menguruskan idea-idea yang dicetus dan disuarakan oleh warga organisasi JPS bermula daripada penerimaan idea-idea sehingga pelaksanaannya. Melalui sistem ini juga, kaedah pengurusan idea yang lestari dan komprehensif dapat dihasilkan selaras dengan seruan kerajaan dalam usaha mewujudkan warga organisasi yang lebih kreatif dan inovatif.

### 2.3 PROSES PERLAKSANAAN

#### a) SEBELUM PELAKSANAAN INOVASI :

##### Medium Yang Digunakan Bagi Pencetusan Idea Di Kalangan Warga JPS

1. Pencetusan idea melalui Sesi Dialog Bersama Ketua Pengarah.

#### a) Keterangan

Sesi dialog bersama Ketua Pengarah ini diadakan pada setiap tahun iaitu semasa Persidangan Pengurus-Pengurus Kanan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan JPS (perlu memenuhi syarat-syarat tertentu). Sesi dialog ini menjadi salah satu tentatif program di mana, ia menjadi satu ruang kepada semua peserta persidangan berdialog



secara langsung dengan Ketua Pengarah JPS. Topik adalah terbuka dan semua cadangan atau sebarang komen dijawab terus oleh Ketua Pengarah. Jawatankuasa pelapor akan mencatat semua komen atau cadangan dan dipanjangkan kepada Bahagian/Negeri jika terdapat maklumbalas/tindakan yang perlu diambil.

**b) Kelemahan**

Kelemahan medium ini ialah tidak semua warga JPS berpeluang berdialog secara terus dengan Ketua Pengarah JPS kerana persidangan ini hanya terhad kepada pegawai kanan Jabatan. Persidangan ini pula hanya dibuat setahun sekali, oleh itu, ia bukanlah pilihan yang terbaik dalam menyalurkan idea. Selain itu, medium ini melibatkan kos, di mana, satu tempat khas perlu disewa bagi menempatkan sebilangan besar peserta persidangan dan dialog serta kaedah pengurusan idea seperti mekanisma tapisan berperingkat, tempoh maklumbalas, laporan tindakan tidak diwujudkan.


2. Pencetusan idea melalui Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) dan Cabaran Inovasi.

**a) Keterangan**

Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) merupakan satu kumpulan pekerja yang mengenalpasti masalah, analisis dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja mereka. Manakala, cabaran inovasi merupakan pertandingan penghasilan produk atau perkhidmatan inovasi tanpa melalui proses KIK. Pertandingan ini memberi peluang kepada warga JPS dalam memberi sumbangan kepada kumpulan atau Jabatan serta memberi kepuasan bekerja yang lebih dan juga faedah-faedah lain seperti meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

**b) Kelemahan**

Walaubagaimanapun, penyumbangan idea hanya tertumpu kepada ahli kumpulan yang akan menyertai pertandingan tersebut. Penglibatan daripada pekerja yang lain adalah kurang. Semua idea atau produk diterima tanpa ada tapisan berperingkat, penyampaian idea atau produk hanya dapat disalurkan melalui pertandingan yang dianjurkan pada setiap tahun. Penyebaran maklumat tentang idea atau laporan yang telah dihasilkan juga tiada dan ia memerlukan kos tambahan baik dari segi masa dan tenaga.



### 3. Pencetusan Idea Melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

#### a) Keterangan

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang berasas demikian kepentingan dan kebaikan organisasi. Skop, bidang dan fungsi MBJ lebih menitikberatkan kepentingan pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai satu forum perbincangan antara pihak pengurusan dan pekerja.

#### b) Kelemahan

Kelemahannya pula ialah maklumbalas dari pandangan yang diberi mengambil masa lebih dari sebulan, laporan bagi tindakan yang diambil tidak dilaporkan secara bulanan (mesyuarat MBJ diadakan pada setiap suku tahun), tidak menggunakan strategi lautan biru serta mempunyai kos tambahan.

### 4. Pencetusan Idea Melalui Segmen ‘Apa Kata Anda’ di Info Portal JPS.

#### a) Keterangan


Segmen ini diwujudkan adalah bagi membolehkan warga JPS memberikan sebarang cadangan, komen dan luahan berdasarkan tema-tema yang diutarakan oleh bahagian penyelaras. Warga JPS adalah bebas untuk memberikan cadangan, komen dan luahan tetapi hendaklah berlandaskan kepada sensitiviti tertentu. Tiada sebarang garispanduan yang dikeluarkan kepada warga JPS dalam mengeluarkan komen atau cadangan. Pemantauan yang dibuat adalah pada setiap hari. Namun demikian, tapisan komen atau cadangan hanya dibuat jika penyelaras dapat mengesannya sepanjang pemantauan atau ada dilaporkan oleh warga JPS. Mekanismerekod statistik tidak diwujudkan.

#### b) Kelemahan

Walaubagaimanapun, tiada ganjaran yang diberikan kepada penyumbang idea terbanyak. Oleh itu, tiada mekanisma yang boleh menggalakkan warga JPS memberi lebih banyak sumbangan idea yang berasas. Selain itu, penyumbangan idea tidak ditapis terlebih dahulu sebelum disiarkan. Ini boleh menyumbang kepada penyalahgunaan segmen ini oleh warga yang tidak bertanggungjawab. Maklumbalas atau tindakan yang telah diambil tidak dilaporkan kepada semua warga JPS untuk makluman.

## b) PELAKSANAAN INOVASI :

Di dalam merekayasa satu kaedah yang lebih komprehensif, kami telah menilai beberapa model pengurusan idea yang diamalkan oleh pakar-pakar di dalam bidang tersebut. Keputusan telah diambil untuk menggunakan kaedah pengurusan idea , The Hour Glass Model yang diperkenalkan oleh Jeff Gaspersz iaitu perunding kanan di KPMG Management Consulting dan pengurus KPMG HR Trendwatch Center. Beliau sekarang juga bertugas sebagai Professor dalam bidang Inovasi di Nyenrode Business Universiteit, Netherland.



Gambarajah 1 : Model pengurusan Idea Jeff Gaspersz

### Keterangan Proses Perekayasaan

#### i. Proses No. 1 : Cetusan Idea

Satu borang elektronik dipaparkan di dalam laman web utama jabatan untuk memberi peluang kepada warga menghantar cetusan idea. Warga akan diminta untuk mengemukakan maklumat perkhidmatan dan seterusnya idea mereka dan penerangannya. Warga boleh memasukkan seberapa banyak idea yang tercetus tanpa had.

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer window displaying the official website of the Department of Irrigation and Drainage Malaysia. The main content area is titled 'Idea Form Borang Idea' and contains several input fields for user information and a text area for the idea itself. To the right of the form is a sidebar with a 'CALENDAR OF EVENT' section showing a monthly calendar for November 2013, and a 'STATISTICS' section with various numerical values.

Gambarajah 2 : Borang Idea dalam pautan Infoportal

### ii. Proses No. 2 : Pemilihan Idea


Unit Inovasi akan menerima cetusan idea dari warga melalui email dan satu email makluman penerimaan dihantar kepada pencetus.

Di peringkat ini, Unit Inovasi akan menyaring idea yang diterima seperti berikut :

- Idea yang tidak jelas akan dikembalikan semula kepada pencetus untuk penambahbaikan.
- Idea yang berkaitan JPS akan diangkat ke peringkat tapisan seterusnya.
- Idea yang berkaitan agensi di luar di JPS akan dipulangkan kepada pencetus dengan mencadangkan samada beliau menyertai Cabaran PEMUDAH ataupun mendaftarkan melalui MyIdeas MOSTI.

### iii. Proses No. 3 : Penilaian Idea

Jawatankuasa Penilaian bagi kaedah ini adalah terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian di Ibu Pejabat JPS dan tidak boleh diwakilkan. Unit Inovasi akan menghantar senarai idea yang diterima mingguan dan telah disaring untuk dinilai dalam tempoh seminggu. Setiap idea



yang mendapat undi majoriti akan diangkat untuk pembentangan di dalam Mesyuarat Pagi/Ketua Bahagian yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah

#### iv. Proses No. 4 : Pelaksanaan Idea

Semua idea yang telah dibentang di dalam Mesyuarat Pagi/Ketua Bahagian akan ditentukan pelaksananya oleh Unit Inovasi. Memo/email memaklumkan tindakan yang berkaitan akan dikeluarkan dalam tempoh seminggu. Pemantauan pelaksanaan dilakukan oleh Unit Inovasi dan statusnya dibentang di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian.

#### v. Proses No. 5 : Ganjaran


Pengiktirafan segera yang diberikan adalah dengan mempamerkan nama-nama pencetus dan idea mereka di dalam laman Infoportal JPS. Ganjaran berbentuk kewangan juga disediakan kepada pencetus-pencetus idea yang terpilih dan majlis penganugerahan akan diadakan pada Majlis Hari Inovasi tahunan.

The screenshot shows a web browser window titled "Info. Portal - Windows Internet Explorer" displaying a list of ideas submitted through the portal. The left side of the screen shows a sidebar with a blue header "MALAYSIA" and a list of various ideas. The right side shows a panel titled "Ideas" with a list of ideas and their details. At the bottom, there are sections for "words" and "Quotable Quotes". The status bar at the bottom indicates "Waiting for http://it.water.gov.my/intranetx/index.cfm?CFID=108599&CFTOKEN=25547400...".

Idea Title	Submitted By
"Wujudkan Sistem Pangkalan Data untuk Tajuk Tesis Peringkat Sarjana"	- Mohd Kherzin bin Hj Hussen
"Wujudkan Sistem e-Tuntutan"	- Egyud Akmal bin Mohd Shahil
"Pintu Automatik untuk elakkan pembaziran tenaga elektrik dari penghawa dingin"	- Mohd Shahril bin Mohd
"Inovasi check dam mudah alih"	- Ahmad Faizil Bin Abdul Hamid
"Nama dan Nombor Volume untuk DID Manual di Infoportal"	- Zunyan binti Yusof
"Sistem tender secara online"	- SV Kalaiselvam A/L Velaayudan
"Memperkenalkan 'Center for DID Innovation (CDI)'"	- SV Kalaiselvam A/L Velaayudan
"Sistem Perumah Halwan Memerang dan Ketam Jabut bagi mengatasi bund pantai runtuh"	- Ahmad Faizil bin Abdul Hamid
"Wujudkan sudut pakai terpakai yang masih elok digunakan untuk didermakan kepada yang memerlukan"	- Hanum binti Abu Hassan

**Paparan senarai idea yang diterima oleh pihak pengurusan**

Gambarajah 3 : Bank Idea dalam pautan Infoportal




### Kaedah Pengurusan Pangkalan Idea


Semua idea yang diterima disimpan di dalam pangkalan data yang menggunakan perisian Excel. Tiada idea yang dihapuskan tetapi setiap idea diklasifikasi mengikut kaedah di bawah. Klasifikasi ini dilakukan oleh Unit Inovasi setelah menyemak Pelan Strategik Jabatan, input dari Ketua-ketua Bahagian dan sesi perbincangan dalaman Unit.

#### KATEGORI DEPOSITIRI IDEA

<b>HIGH IMPACT</b>	<p>Idea yang apabila dilaksanakan akan memberi kesan langsung yang ketara kepada Pelan Strategik JPS. Idea-idea ini akan memberi anjakan paradigma kepada sistem penyampaian jabatan kepada pelanggannya. Idea-idea yang menyentuh pembaharuan di dalam bisnes-bisnes utama jabatan adalah tergolong dalam kategori ini.</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus :</b> En. Roslan Shamsuddin dari JPS Selangor</p> <p><b>Idea :</b> Mewujudkan satu unit pengurusan hakisan tanah di bawah Bhgn. Rekabentuk dan Empangan</p> <p><b>CONTOH 2</b></p> <p><b>Pencetus :</b> En. Ahmad Darus dari Bahagian Pengurusan Banjir</p> <p><b>Idea :</b> MyRIVAS, Sistem Penilaian Sungai-Sungai di Malaysia berdasarkan 5 Komponen Utama</p>
<b>MEDIUM IMPACT</b>	<p>Idea yang apabila dilaksanakan menyokong Pelan Strategik JPS.</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus :</b> En. Ng Kok Seng dari Bahagian Rekabentuk dan Empangan</p>



	<p><b>Idea</b></p> <p>To integrate all soil Investigation (SI) data carried out by the various technical departments (especially JPS, JKR and JMG) into a common digital database to be made accessible to both public and private sector (probably for a fee)</p> <p><b>CONTOH 2</b></p> <p><b>Pencetus</b></p> <p>Sv Kalaiselvam A/L Velayudan dari Bahagian Pengurusan Banjir</p> <p><b>Idea</b></p> <p>JPS Care-MOBILITI</p>
JUST DO IT	<p>Idea yang menambahbaik operasi harian jabatan tanpa memerlukan sumber yang banyak</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus</b></p> <p>Puan Zuriyati Yusof dari JPS Johor</p> <p><b>Idea</b></p> <p>Memandangkan DID Manual telah dimuatnaik dalam infoportal, dicadangkan untuk diletakkan Nama Volume tersebut dan bukannya No. Volume sahaja.</p> <p><b>CONTOH 2</b></p> <p><b>Pencetus</b></p> <p>Pn. Hanum Abu Hassan dari Bahagian Audit Prestasi</p> <p><b>Idea</b></p> <p>Mewujudkan sudut pakaian terpakai yang masih elok digunakan untuk didermakan kepada yang memerlukan.</p>
PARKING LOT	<p>Idea yang berasas tetapi belum dapat dilaksanakan kerana tidak selari dengan keperluan masakini jabatan ataupun sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan belum boleh disediakan.</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus</b></p> <p>Pn. Norazela Hassan dari Bahagian Rekabentuk dan Empangan</p>



	<p><b>Idea</b> Sepanjang 'river reserve' JPS di tanam pokok jati daripada dibiarkan ditumbuh semak dan samun.</p> <p><b>CONTOH 2</b></p> <p><b>Pencetus</b> Teo Fang Yenn dari Bahagian Pengurusan Banjir</p> <p><b>Idea</b> JPS 1Bangunan dan 1Organisasi</p>
REFER TO CONSULT	<p>Idea yang berasas tetapi memerlukan kajian yang lebih mendalam. Idea-idea ini adalah sesuai untuk dijadikan topik kepada Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif serta Cabaran Inovasi.</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus</b> En. Ahmad Fazili Abd. Hamid dari JPS Selangor</p> <p><b>Idea</b> Sistem Perumah Haiwan Memerang dan Ketam Jabut bagi mengatasi bund pantai runtuh</p> <p><b>CONTOH 2</b></p> <p><b>Pencetus</b> En. Mohd Hafizulrahman Aripin dari Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal</p> <p><b>Idea</b> Solar Pump.</p>
THANK YOU FOR YOUR CONTRIBUTION	<p>Idea yang tidak perlu dikembangkan termasuk idea berkaitan agensi luar ataupun idea yang telah dilaksanakan</p> <p><b>CONTOH 1</b></p> <p><b>Pencetus</b> En. Zaharuddin Hussin dari Bahagian Projek Khas</p>

**Idea**

Tali pinggang automatik

**CONTOH 2****Pencetus**

Ir Mohd Zaharifudin Bin Muhamad Ali

**Idea**

Penyediaan HotLine Pendaftaran Klinik Kerajaan (di klinik padat pesakit luar).

**Jadual 1 : Kaedah Pengurusan Pangkalan Idea**

### 3. IMPAK INOVASI

#### 3.1 KREATIVITI

Dari segi kreativiti, IdeaSentral menggunakan elemen '*Blue Ocean Strategy*' dengan menggunakan laman web sediada sebagai antaramuka dan juga Jawatankuasa Ketua Bahagian sebagai penilai setiap idea. IdeaSentral juga memenuhi harapan semasa YAB Perdana Menteri di dalam melahirkan penjawat awam yang kreatif dan inovatif melalui idea-idea yang dicetuskan. Antaramuka laman web yang ringkas memudahkan warga JPS menggunakan kaedah ini pada bila-bila masa dan tempat. Ini adalah lebih kreatif berbanding saluran-saluran lain yang mempunyai tempoh berjadual.

#### 3.2 KEBERKESANAN

Dari aspek keberkesanan, data statistik di dalam Jadual 2 dan 3 memberi bukti yang kukuh. Jadual 2 menunjukkan bahawa IdeaSentral berjaya menjadi pemangkin kepada warga untuk mencetuskan idea dan Jadual 3 menunjukkan bahawa berbanding dengan saluran-saluran lain, IdeaSentral telah berjaya menjadi saluran pilihan bagi warga mencetuskan idea walaupun baharu 6 bulan beroperasi. Dari segi nilai kepada awam atau publik, IdeaSentral berjaya memberi peluang kepada mereka di barisan hadapan untuk melahirkan idea-idea yang mungkin diilhamkan dari interaksi warga tersebut dengan pelanggannya. Selagi wujudnya laman web dan Jawatankuasa Ketua Bahagian selagi itulah mekanisma IdeaSentral ini akan kekal lestari.

Bil.	Bulan	Bilangan Idea
1	Mac	6
2	April	6
3	Mei	9
4	Jun	17
5	Julai	47
6	Ogos	56

Jadual 2 : Data menunjukkan bilangan idea yang diterima oleh Unit Inovasi mengikut bulan.

	2010	2011	Jumlah
Dialog	23	25	<b>48</b>
Forum	12	8	<b>20</b>
KIK	12	20	<b>32</b>
Inovasi	18	29	<b>47</b>
MBJ	15	17	<b>32</b>
IdeaSentral	-	155(Sept)	<b>155</b>

Jadual 3 : Data menunjukkan perbandingan jumlah idea yang diterima melalui saluran-saluran aktif sediada.



### 3.3 SIGNIFIKAN

Setelah 6 bulan beroperasi, IdeaSentral berjaya mencapai objektifnya di dalam memenuhi kehendak kerajaan melalui Pekeliling MAMPU iaitu mewujudkan satu mekanisme yang dapat menerima idea-idea dari semua warga agensi walau seringkas mana pun idea yang dicetuskan. Unsur *value for money* yang ditonjolkan oleh inovasi ini adalah dengan penggunaan kemudahan laman web sediada dan juga Jawatankuasa yang sedia ada di JPS yang mana ini telah menjimatkan penggunaan sumber tetapi telah berjaya memberi impak yang maksima. IdeaSentral ini juga telah berjaya menjadi satu alternatif yang lebih efektif kepada warga untuk menyalurkan idea mereka.

### 3.4 RELEVAN

Inovasi IdeaSentral ini adalah selaras tuntutan kerajaan ke atas perkhidmatan awam pada masa kini yakni sebagaimana kata YAB Perdana Menteri betapa pentingnya anggota perkhidmatan awam mengaplikasikan kaedah strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) yang berorientasikan pendekatan kreatif dan inovatif. Kepentingan elemen ini tidak dapat lagi disangkal kerana pendekatan penyelesaian sesuatu masalah secara kreatif menghasilkan kesan positif kepada struktur belanjawan kerajaan yang mengutamakan nilai untuk setiap sen yang dibelanjakan. Jika saluran-saluran cetusan idea lebih bersifat “working in-silo”, IdeaSentral telah berjaya mewujudkan peluang merentasi sempadan bagi warga memainkan peranan di dalam memajukan jabatan dan negara.

## 4. PENGIKTIRAFAN

---

Sistem pengurusan idea ini telah mendapat pengiktirafan daripada pihak MAMPU melalui perbincangan yang telah diadakan pada 8 Disember 2010.

## 5. PENUTUP

---

Sistem pengurusan idea yang diperkenalkan ini telah mendapat sokongan dan komitmen sepenuhnya daripada seluruh warga organisasi dan pengurusan atasan JPS melalui maklumbalas yang diterima oleh bahagian. Melalui projek inovasi ini diharap dapat melahirkan warga organisasi yang lebih kreatif, inovatif dan proaktif. Penambahbaikan akan selalu dibuat ke atas sistem agar ianya sentiasa terkini dan berinformasi.